

SULIT

**GEMPUR KECEMERLANGAN TINGKATAN 5
SESI AKADEMIK 2024/2025**

**ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PERLIS
DAN
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**

**PERNIAGAAN
Kertas 1
Ogos 2024
1 jam 15 minit**

3766/1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan objektif.*
- 2. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
- 3. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
- 4. Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1 Apakah contoh aktiviti berasaskan perkhidmatan?

- A Pembuatan
- B Perkilangan
- C Penternakan
- D Pendidikan

2 Pernyataan di bawah berkaitan dengan ciri rakan kongsi.

Rakan kongsi yang menyumbangkan nama tetapi tidak aktif dalam aktiviti operasi perniagaan.

Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

- A Rakan kongsi aktif
- B Rakan kongsi lelap
- C Rakan kongsi biasa
- D Rakan kongsi nominal

3 Antara yang berikut, yang manakah menentukan saiz sesebuah perniagaan?

- I Bilangan pekerja tetap
- II Jumlah modal yang dilaburkan
- III Bilangan cawangan perniagaan
- IV Jumlah jualan tahunan perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

4 Logo 1 menunjukkan sebuah agensi yang berperanan membantu pengeluar tempatan menembusi pasaran global



Logo 1


Bagaimanakah agensi tersebut berperanan?

- A Menyediakan bantuan prasarana
- B Menyediakan kemudahan pembiayaan
- C Memperkenalkan teknologi pengeluaran baharu
- D Mengekalkan hubungan antara pengimport dan pengeksport

- 5 *Encik Akif mempunyai sebuah syarikat yang menjual produk kraf tangan buatan Malaysia ke luar negara.*

Berdasarkan pernyataan tersebut, apakah jenis pelepasan cukai yang layak dinikmati oleh syarikat Encik Akif?

- A Elaun cukai
 - B Taraf perintis
 - C Potongan cukai
 - D Pengecualian cukai
- 6 Gambar 1 menunjukkan aktiviti pertanian



Gambar 1

Apakah perkembangan sektor perniagaan di Malaysia yang bersesuaian bagi gambar di atas?

- A Era 1990-an
 - B Selepas merdeka
 - C Era Kemerdekaan
 - D Menjelang Abad ke-21
7. ● Encik Mahdi mengalami masalah kemerosotan jualan akibat pengedaran bahan publisiti yang tidak mengikut jadual yang telah ditetapkan

Bahagian fungsian manakah yang bertanggungjawab menangani masalah tersebut?

- A Pemasaran
 - B Pengagihan
 - C Pengeluaran
 - D Khidmat pelanggan
- 8 Bagaimanakah kerajaan dapat mempengaruhi operasi sesebuah perniagaan?
- A Meletakkan wakil kerajaan di setiap premis perniagaan
 - B Memberikan khidmat nasihat kepada golongan peniaga
 - C Melalui penggubalan dasar dan penguatkuasaan undang-undang
 - D Mengenakan denda kepada peniaga yang tidak mengikut peraturan

- 9 Apakah faktor yang perlu dipertimbangkan untuk menetapkan visi, misi dan objektif perniagaan ?
- A Daya saing
 - B Jangka masa
 - C Boleh diukur
 - D Boleh dicapai
- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri SMART bagi sesuatu objektif perniagaan.
- Objektif syarikat adalah untuk meningkatkan penguasaan pasaran dari 5% (2020) kepada 8% (2021)

Apakah ciri-ciri SMART berikut?

- A Spesifik
 - B Munasabah
 - C Jangka masa
 - D Boleh diukur
11. Visi sesebuah perniagaan disasarkan untuk dicapai dalam jangka masa
- A 1 tahun sahaja
 - B kurang dari 5 tahun
 - C melebihi 5 tahun
 - D sekurang-kurangnya 10 tahun
- 12 Tujuan penetapan misi perniagaan adalah untuk memudahkan pihak pengurusan
- A mengagihkan sumber
 - B menjangka keuntungan
 - C menentukan sistem penggajian
 - D merancang jumlah pengeluaran
- 13 Apakah tujuan carta organisasi diwujudkan?
- I Pembahagian kerja
 - II Hierarki pengurusan
 - III Asas pemberian bonus
 - IV Petunjuk prestasi tahunan
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 14 Tujuan utama bahagian fungsian pembelian ialah
- A membantu memasarkan produk
 - B memastikan kos operasi dapat dibayar
 - C mengawal pembelian kuantiti bahan mentah
 - D membeli mesin yang bersesuaian dengan pengeluaran
- 15 Apakah kepentingan pasaran baharu?
- I Mengelakkan persaingan
 - II Menambah jumlah jualan
 - III Mengembangkan pasaran sedia ada
 - IV Mengelakkan dari terlibat dalam pasaran tepu
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 16 Pernyataan di bawah merujuk kepada contoh hubungan perniagaan dengan pihak luar.

Encik Fahim memohon kelulusan untuk pendaftaran bengkel membaiki motorsikalnya dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Apakah bentuk hubungan itu?

- A Interaksi dengan bank
 - B Interaksi dengan pembekal
 - C Interaksi dengan pelanggan
 - D Interaksi dengan agensi kerajaan
- 17
- ↳ Prestasi pekerja dipantau
 - ↳ Kebajikan pekerja sentiasa terjaga

Peranan-peranan di atas dilakukan oleh

- A Pengurus kewangan
- B Pengurus pemasaran
- C Pengurus pengeluaran
- D Pengurus sumber manusia

- 18 “Pengurusan Syarikat Pembinaan Cepat Siap menyediakan topi, jaket dan kasut keselamatan kepada pekerja-pekerja di tapak pembinaan kondominium terbaru mereka”

Apakah aspek pengelolaan sumber manusia yang diamalkan di atas?

- A Sistem penggajian
- B Latihan peningkatan kemahiran
- C Standard prosedur operasi tugas
- D Membentuk persekitaran kerja yang harmoni dan positif

- 19 Maklumat di bawah berkaitan dengan Puan Pah Bedah.

Puan Pah Bedah yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pemasaran dari Universiti Utara Malaysia (UUM) baharu sahaja menjawat jawatan sebagai Pengurus Kanan Pemasaran di ASTRO. Beliau sebelum itu pernah bekerja sebagai pegawai pemasaran di TV3.

Apakah kemahiran kebolehkeraan yang dimiliki oleh Puan Pah Bedah?

- I Berpengalaman
- II Kelayakan yang bersesuaian
- III Penggunaan teknologi terkini
- IV Berpengalaman dalam industri tertentu

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 20 Manakah BUKAN faktor yang perlu dipertimbangkan dalam sistem penggajian?


- A Lokasi
- B Kelayakan
- C Undang-undang
- D Permintaan dan penawaran buruh

- 21 Perlindungan insurans terhadap sumber fizikal penting kepada usahawan kerana

- A boleh melindungi nyawa pekerja
- B boleh melindungi ahli keluarga pekerja
- C boleh melindungi perniagaan daripada risiko kecurian
- D boleh melindungi usahawan daripada penyakit berjangkit




- 22 Rajah 1 merupakan prosedur mengurus sumber teknologi.



Rajah 1

Antara berikut, yang manakah merupakan prosedur yang betul bagi W?

- A Insurans
 - B Keselamatan
 - C Penyelenggaraan
 - D Hak Cipta Terpelihara
- 23 Manakah yang menunjukkan prosedur pengurusan sumber teknologi bagi sebuah syarikat elektronik?
- A Kilang dan mesin yang canggih
 - B Jenis dan model telefon yang pelbagai
 - C Mendaftar paten reka bentuk baharu telefon
 - D Bangunan dan kemudahan yang serba lengkap
- 24 Gambar 2 menunjukkan satu bentuk perniagaan.



Gambar 2

Antara berikut, apakah jenis modal perniagaan tersebut?

- I Stok
- II Pelanggan
- III Penghutang
- IV Premis Kedai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 25 Sumber pembiayaan luaran manakah yang paling sesuai bagi pengusaha sebuah stesen minyak yang memerlukan tunai segera sebanyak RM20 000 untuk membayar pembekal?
- A Rizab
 - B Pemfaktoran
 - C Overdraf bank
 - D Pinjaman jangka panjang
- 26 Pada 1 Mac 2023, Puan Melia mempunyai baki sebanyak RM1,500 dalam akaun semasanya. Pada 5 Mac 2023, beliau telah memasukkan wang tunai sebanyak RM1,000 ke dalam akaun tersebut. Pada 10 Mac 2023 beliau telah mengeluarkan cek bernilai RM5 000 untuk membayar pembekal barang niaga.
- Berapakah amaun yang akan dikenakan faedah oleh bank?
- A RM1 000
 - B RM1 500
 - C RM2 500
 - D RM5 000
- 27 Apakah kelemahan sumber pembiayaan bank atau institusi kewangan?
- A Modal terhad
 - B Cepat dan ringkas
 - C Persaingan yang sengit
 - D Dikenakan faedah yang tinggi
- 28 Rajah 2 berkaitan dengan pihak berkepentingan kepada penyata kewangan sesebuah perniagaan.



Rajah 2

Siapakah X?

- A Pekerja
- B Pelanggan
- C Pengimport
- D Institusi kewangan

- 29 Bagaimanakah Kunci Kira-kira dapat membantu usahawan membuat analisis terhadap operasi perniagaan?
- A Mengetahui jumlah aset dan tanggungan perniagaan
 - B Mengukur kadar pulangan yang diperoleh perniagaan
 - C Mengenal pasti perolehan dan penggunaan tunai bagi tempoh tertentu
 - D Mengetahui tahap minimum jualan yang perlu diperoleh supaya tidak mengalami kerugian

- 30 Maklumat yang berikut diambil daripada buku perakaunan Perniagaan T.

	RM
Jualan	150 000
Untung Kasar	40 000
Untung Bersih	28 500

Berapakah peratusan margin untung kasar Perniagaan T?

- A 19.00%
 - B 26.67%
 - C 40.42%
 - D 50.00%
- 31 Apakah kekuatan diri yang diperlukan untuk usahawan berjaya dalam perniagaan?
- A Memiliki modal yang tinggi
 - B Fokus tenaga dan tumpuan
 - C Perhubungan baik dengan rakan perniagaan
 - D Kemampuan mendapat pembiayaan kewangan
- 32 Apakah yang dimaksudkan tentang stok bergerak perlahan?
- A Stok lama yang tidak terjual
 - B Stok baharu yang lambat diterima daripada pembekal
 - C Stok yang mengambil masa yang lama untuk dijual
 - D Stok yang dijual tetapi bayarannya belum diterima daripada penghutang
- 33 Antara yang berikut, manakah yang merupakan keberuntungan perniagaan kepada seseorang usahawan?
- I Melaksanakan tanggungjawab sosial
 - II Penggunaan peralatan dan teknologi terkini
 - III Memberi kebebasan untuk mengurus perniagaan
 - IV Mendapatkan sumber manusia yang tidak ada pengalaman
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 34 Antara pernyataan berikut, manakah benar tentang Akta Syarikat 2016?
- A Rakan kongsi mempunyai bahagian dalam modal
 - B Liabiliti terhad ke atas pengarah atau pemegang saham
 - C Pemegang saham syarikat tidak mempunyai hak berkaitan syarikat
 - D Permohonan pemerbadanan syarikat boleh memilih nama dengan bebas
- 35 Apakah tujuan usahawan membuat permohonan carian nama syarikat?
- A Untuk mencari nama syarikat yang digemari pengguna
 - B Untuk mencari nama syarikat yang telah muflis
 - C Untuk mengelak daripada menggunakan nama syarikat yang sama
 - D Untuk mengelak daripada menggunakan akta syarikat yang sama
- 36 Antara berikut, yang manakah sebab penamatan perniagaan milikan tunggal ?
- I Pertukaran premis
 - II berhijrah ke luar negara
 - III Perintah mahkamah
 - IV Berhenti berniaga
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 37 Maklumat berikut berkaitan sejenis dokumen perniagaan.

Mengandungi maklumat ambilan oleh pemilik daripada perniagaannya untuk kegunaan pemilik sendiri.

Apakah dokumen berikut?

- A Memo
- B Invois
- C Nota kredit
- D Penyata tunai

- 38 Gambar 3 menunjukkan satu kaedah promosi.



Gambar 3

- Apakah kaedah tersebut?
- A Jualan langsung
 - B Promosi jualan
 - C Pengiklanan
 - D Publisiti
- 39 Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan
- A Dokumen bertulis tentang maklumat perniagaan
 - B Dokumen bertulis tentang kedudukan kewangan perniagaan
 - C Dokumen bertulis tentang latar belakang pemilik perniagaan
 - D Dokumen bertulis tentang maklumat perniagaan atau projek yang hendak dijalankan secara menyeluruh dan terperinci
- 40 Encik Mahesh dan Encik Rahman bercadang memulakan perniagaan pasar raya. Mereka memerlukan modal permulaan sebanyak RM500,000. Mereka menyumbangkan modal permulaan sebanyak RM200,000 dan bakinya akan diperoleh dengan mencagarkan rumah kediaman masing-masing kepada bank. Mereka merancang mengambil seramai 50 orang pekerja pada awal operasi perniagaan. Mereka akan mendapatkan bekalan daripada pelbagai pemborong dan pengilang. Mereka mengambil keputusan untuk menyediakan satu rancangan perniagaan dengan memberikan tumpuan khas kepada aliran tunai untuk tempoh tiga bulan pertama perniagaan.
- Apakah kepentingan rancangan perniagaan yang berkenaan kepada Encik Mahesh dan Encik Rahman ?
- A Menyakinkan bakal pelabur
 - B Merancang keperluan sumber perniagaan
 - C Dapat membantu menilai projek perniagaan
 - D Dapat menjangka masalah yang mungkin timbul

KERTAS SOALAN TAMAT.